GARIS PANDUAN PELAKSANAAN BAIKPULIH DAN BINA BAHARU RUMAH NELAYAN PANTAI SECARA GOTONG ROYONG

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN

PELAKSANAAN BAIK PULIH DAN BINA BAHARU RUMAH NELAYAN PANTAI SECARA GOTONG-ROYONG

1.0 TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan bagi tujuan memberi panduan kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Persatuan Nelayan selaku Peneraju Projek dalam melaksanakan baik pulih dan bina baharu rumah nelayan pantai secara gotong royong berdasarkan kelulusan Kementerian Kewangan melalui surat **S/K.KEW/PK/MOF/D/29 JLD. 8 SK.3 (11)** bertarikh **29 Mac 2017**.

2.0 LATARBELAKANG

Pada masa ini, pelaksanaan baik pulih dan bina baharu telah dilaksanakan secara lantikan kontraktor dan gotong-royong di kawasan tertentu dengan had pelaksanaan sebanyak RM100,000 berdasarkan Garis Panduan pelaksanaan PKPN Pindaan 2/2016 yang masih berkuatkuasa. Pelaksanaan gotong-royong secara menyeluruh di kesemua kawasan adalah tertangguh sehingga kelulusan daripada Kementerian Kewangan diperolehi.

Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan untuk melaksanakan baik pulih keatas **1970 unit** rumah dan membina baharu **14 unit** rumah nelayan pantai secara gotong royong dengan anggaran kos sebanyak **RM29,561,000** dan diterajui oleh **Persatuan Nelayan Kawasan** sebagai Peneraju Projek bagi melaksanakan gotong royong di seluruh Malaysia. Kementerian Kewangan juga meluluskan sekiranya terdapat kesukaran di pihak LKIM untuk mendapatkan nelayan bagi melaksanakan gotong-royong di satu-satu kawasan, pelantikan kontraktor adalah dibenarkan tertakluk tidak melebihi kadar maksimum yang telah dibenarkan dan mematuhi tatacara perolehan yang sedang berkuatkuasa.

Dalam hal ini, pelaksanaan gotong-royong secara menyeluruh perlu dilaksanakan memandangkan kelulusan dari Kementerian Kewangan telah diperolehi. Selain itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyarankan supaya pelaksanaan secara gotong-royong dikuatkuasakan.

3.0 OBJEKTIF

Objektif pelaksanaan gotong royong iaitu: -

i) Memberi *value for money* ke atas penerima faedah kerana kerja-kerja baikpulih dan bina baharu rumah dapat dilaksanakan lebih optimum, menjimatkan, berkualiti, memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan (nelayan).

ii) Ia lebih berkesan berbanding pelaksanaan secara sebutharga dengan mengambil kira penjimatan dari segi masa dan margin keuntungan yang dikenakan oleh kontraktor projek. Disamping, memupuk nilai kesepakatan dan semangat kerjasama dalam melaksanakan baikpulih dan bina baharu secara gotong-royong.

3.0 KOMPONEN GOTONG-ROYONG

i) Baik pulih rumah; dan
ii) Bina baharu rumah.

5.0 KADAR BANTUAN

- **Baik Pulih**

i) Kementerian Kewangan melalui surat **S/K.KEW/PK/MOF/D/29 JLD. 8 SK.3 (11)** bertarikh **29 Mac 2017** telah meluluskan kadar bantuan membaik pulih rumah nelayan dengan kos maksimum RM13,000 sebuah dan RM15,000 sebuah di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

ii) Walau bagaimanapun, kadar bantuan membaik pulih rumah nelayan **masih kekal** dengan kos maksimum **RM10,000** sebuah bagi Semenanjung Malaysia dan kos maksimum **RM12,000** sebuah bagi membaik pulih rumah nelayan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

iii) Ini adalah kerana had pelaksanaan baik pulih adalah berdasarkan kepada kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk PKPN bilangan 1/2016 dan bilangan 2/2016 yang meluluskan kos maksimum RM10,000 sebuah dan RM 12,000 sebuah di kawasan yang berkaitan.

- **Bina Baharu**

  Membina baharu rumah nelayan dengan kos maksimum RM40.000 sebuah di semenanjung Malaysia dan RM50,000 sebuah di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

6.0 PELAKSANAAN BAIKPULIH DAN BINA BAHARU RUMAH NELAYAN BERDASARKAN KELULUSAN KHAS KEMENTERIAN KEWANGAN

Pelaksanaan baik pulih rumah nelayan pantai yang diberi kelulusan khas seperti berikut:

NEGERI	PARLIMEN	PENERAJU PROJEK	KELULUSAN PERUNTUKAN (RM)	BIL. RUMAH
PERLIS	KANGAR	KUALA PERLIS	180,000	18
JUMLAH PERLIS			**180,000**	**18**
KEDAH	KUALA KEDAH	KUALA KEDAH	760,000	76
	JERAI	YAN	190,000	19
	SUNGAI PETANI	KUALA MUDA	310,000	31
JUMLAH KEDAH			**1,260,000**	**126**
PULAU PINANG	BALIK PULAU	TELOK BAHANG	50,000	5
		PP SELATAN	30,000	3
	NIBONG TEBAL	SEBERANG PRAI	20,000	2
	TASEK GELUGOR		10,000	1
	BATU KAWAN		10,000	1
JUMLAH PULAU PINANG			**120,000**	**12**
SELANGOR	KUALA LANGAT	KUALA LANGAT	380,000	38
	SEPANG		410,000	41
		SEPANG	80,000	8
	TANJUNG KARANG	KUALA SELANGOR	10,000	1
JUMLAH SELANGOR			**880,000**	**88**
JOHOR	LEDANG	LEDANG	10,000	1

NEGERI	PARLIMEN	PENERAJU PROJEK	KELULUSAN PERUNTUKAN (RM)	BIL RUMAH
	MUAR	MUAR	300,000	30
	PENGERANG	PENGERANG	1,340,000	134
	TEBRAU	JOHOR SELATAN	100,000	10
	PASIR GUDANG		70,000	7
	PULAI		10,000	1
	GELANG PATAH		660,000	66
	TANJONG PIAI		550,000	55
	PONTIAN	PONTIAN	120,000	12
JUMLAH JOHOR			**3,160,000**	**316**
PAHANG	INDERA MAHKOTA	KUANTAN	130,000	13
	PEKAN	NENASI	410,000	41
	ROMPIN	ROMPIN	100,000	10
JUMLAH PAHANG			**640,000**	**64**
KELANTAN	PENGKALAN CHEPA	KOTA BHARU	410,000	41
JUMLAH KELANTAN			**410,000**	**41**
SARAWAK	SANTUBONG	BUNTAL	348,000	29
		SRI MUARA	216,000	18
		SATANG BIRU	852,000	71
	TANJONG MANIS	BRUIT	564,000	47
	BINTULU	BINTULU	216,000	18
	MIRI	MIRI	84,000	7
	LIMBANG	LIMBANG	24,000	2
	LAWAS	LAWAS	84,000	7
	BATANG SADONG	ASAJAYA/ SEMERA	228,000	19
	BATANG LUPAR		228,000	19
		LAYAR RIMBAS	1,428,000	119
	SIBUTI	MIRI	48,000	4
JUMLAH SARAWAK			**4,320,000**	**360**
SABAH	SEPANGGAR	KOTA KINABALU	516,000	43
	PUTATAN		108,000	9
	LIBARAN	SANDAKAN	1,068,000	89

NEGERI	PARLIMEN	PENERAJU PROJEK	KELULUSAN PERUNTUKAN (RM)	BIL. RUMAH
	BATU SAPI		612,000	51
	SANDAKAN		912,000	76
	KINABATANGAN		504,000	42
	SILAM	LAHAD DATU	1,176,000	98
		KUNAK	1,788,000	149
	KOTA BELUD	KOTA BELUD	3,708,000	309
	TAWAU	TAWAU	348,000	29
	KALABAKAN		600,000	50
JUMLAH SABAH			**11,340,000**	**945**
JUMLAH KESELURUHAN			**22,310,000**	**1,970**

Pelaksanaan **bina baharu rumah nelayan pantai** yang diberi kelulusan khas seperti berikut:

NEGERI	PARLIMEN	PENERAJU PROJEK	KELULUSAN PERUNTUKAN (RM)	BIL. RUMAH
NEGERI SEMBILAN	TELOK KEMANG	TELOK KEMANG	440,000	11
JUMLAH NEGERI SEMBILAN			**440,000**	**11**
PAHANG	KUANTAN	KUANTAN	40,000	1
JUMLAH PAHANG			**40,000**	**1**
TERENGGANU	DUNGUN	PAKA	40,000	1
JUMLAH TERENGGANU			**40,000**	**1**
SARAWAK	SANTUBONG	SATANG BIRU	38,000	1
JUMLAH SARAWAK			**38,000**	**1**
JUMLAH KESELURUHAN			**558,000**	**14**

7.0 PELAKSANA GOTONG ROYONG

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia berperanan sebagai pelaksana PKPN mulai tahun 2016. Peruntukan PKPN di bawah tanggungjawab Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani dan disalur kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia bagi melaksanakan baikpulih dan bina baharu.

Peranan dan tanggungjawab bagi melaksanakan baikpulih dan bina baharu secara gotong-royong adalah seperti berikut: -

(1) PERSATUAN NELAYAN KAWASAN

(i) Mengenalpasti kumpulan yang akan melaksanakan gotong royong dan melantik ketua tukang.

(ii) Mengenalpasti pembekal bahan binaan di tapak projek yang berkeupayaan melaksanakan pembekalan.

(iii) Memastikan baik pulih dan bina baharu secara gotong royong siap sepenuhnya.

(iv) Memantau prestasi kemajuan pelaksanaan gotong-royong dan prestasi kewangan di Persatuan Nelayan.

(v) Memastikan keselamatan bahan binaan di tapak projek.

(2) LKIM NEGERI

Pengarah LKIM Negeri sebagai penyelia projek bagi: -

(i) Menyelia dan menyelaras pelaksanaan baikpulih dan bina baharu secara gotong-royong berdasarkan ketetapan garis panduan dan tatacara perolehan yang sedang berkuatkuasa.

(ii) Menubuhkan Jawatankuasa Pelaksana & Pemantauan PKPN Peringkat Negeri.

(iii) Melantik Peneraju Projek di kalangan Persatuan Nelayan Kawasan dari kawasan tersebut atau dari kawasan yang berhampiran.

(v) Memantau prestasi kemajuan pelaksanaan gotong-royong dan prestasi kewangan.

(vi) Memastikan PNK tidak melantik sub-kontraktor.

(vi) Mewujudkan *rescue team* terdiri daripada kakitangan LKIM bagi membantu menyiapkan projek yang gagal disiapkan.

8.0 TATACARA PELAKSANAAN GOTONG ROYONG

1) Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) dilantik selaku Peneraju Projek dan Pengarah LKIM Negeri dilantik selaku Penyelia Projek bagi pelaksanaan gotong–royong di dalam negeri masing-masing.

2) Pelaksanaan baikpulih dan bina baharu secara gotong royong perlu diselia dan dipantau oleh Penyelia Projek bersama-sama Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana dan Pemantauan PKPN Peringkat Negeri sehingga siap.

3) Pegawai Pengesah hendaklah dilantik dari kalangan Pegawai Teknikal bagi mengesahkan projek siap sepenuhnya.

4) Pegawai Teknikal juga perlu menyediakan dan mengesahkan skop kerja baikpulih dan bina baharu.

5) Peneraju Projek bersama Pegawai Teknikal perlu meninjau keadaan tapak rumah yang akan dibina baharu dan mengenalpasti komponen yang perlu dibaik pulih bagi tujuan penyediaan skop kerja. **Borang Skop Kerja** digunapakai dan di lampiran.

6) Pelaksanaan gotong-royong perlu dilaksanakan secara berfasa mengikut keperluan dan keupayaan pelaksanaan di kawasan.

7) Jumlah bilangan rumah secara berfasa boleh ditentukan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana dan Pemantauan PKPN Peringkat Negeri.

8) Fasa seterusnya perlu diteruskan dengan syarat fasa sebelumnya telah siap sepenuhnya. Pelaksanaan secara berfasa lebih berkesan dari segi kawalan dalaman dan mempercepatkan projek siap.

9) PNK selaku Peneraju Projek perlu mengenalpasti kumpulan gotong royong dan melantik ketua tukang.

10) Peneraju Projek perlu mengenalpasti pembekal yang berkeupayaan untuk membekalkan bahan binaan tanpa melibatkan pemberian secara tunai kepada tuan rumah.

11) Pembekalan ini adalah mengikut skop kerja yang telah disahkan oleh pegawai teknikal. Prestasi pembekalan perlu dilaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana dan Pemantauan PKPN Peringkat Negeri.

12) Pembekalan bahan binaan bagi tujuan gotong-royong perlu menggunakan konsep *corporate social responsibility* bagi mendapatkan harga terbaik dari pembekal.

13) Peneraju Projek bertanggungjawab memastikan keselamatan bahan-bahan dan peralatan projek sepanjang tempoh pelaksanaan. **Akuan Penyerahan dan Penerimaan Bahan Binaan** digunapakai dan di lampiran.

14) PNK tidak dibenarkan mendapatkan sumbangan pihak luar dalam melaksanakan projek ini.

15) Bagi mewujudkan keseragaman identiti di semua negeri, plak penyerahan bantuan baik pulih dan bina baharu kepada nelayan dan penggunaan cogan kata di dalam urusan surat menyurat perlu diwujudkan.

16) Tempoh pelaksanaan gotong-royong sehingga **maksimum 90 hari** dari tarikh milik tapak projek sepertimana dinyatakan di dalam surat lantikan peneraju projek. Sebarang perlanjutan tempoh perlu mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana dan Pemantauan PKPN Peringkat Negeri berdasarkan justifikasi di negeri.

17) Tiada tempoh kecacatan atau jaminan kualiti diberikan ke atas projek ini setelah pemeriksaan akhir dijalankan serta pengesahan sijil siap dikeluarkan. **Sijil Perakuan Kesempurnaan Siap Kerja dan Akujanji Peserta** digunapakai dan di lampiran.

18) Sebarang tambahan kerja tidak dibenarkan setelah pemilik rumah bersetuju dengan skop kerja yang telah disahkan bersama Pegawai Teknikal sebelum kerja dimulakan.

19) Perubahan komponen adalah dibenarkan dan perlu melalui Jawatankuasa Pelaksana dan Pemantauan PKPN Peringkat Negeri bagi tujuan mendapatkan kelulusan. Persetujuan dari nelayan juga perlu diperolehi tanpa melibatkan peruntukan tambahan dan berdasarkan kerja-kerja baikpulih yang dibenarkan sahaja. **Borang Permohonan Penukaran Skop Kerja** digunapakai dan dilampiran.

20) Nelayan perlu turut serta di dalam proses pemeriksaan akhir / kecacatan bersama Pegawai Teknikal.

21) Nelayan perlu menurunkan tandatangan dan menyatakan sama ada berpuas hati atau tidak berpuas hati. **Sijil Perakuan Kesempurnaan Siap Kerja** digunapakai.

22) Kerja-kerja **baik pulih yang dibenarkan** adalah seperti berikut:-

- Baik pulih komponen rumah asas.
- Ruang utama, dapur, 3 bilik tidur, 1 bilik air dan 1 tandas.
- Baik pulih struktur rumah asas.
- Dinding, lantai, struktur bumbung, atap, siling, pintu, tingkap, tangga, titian laluan rumah atas air dan lain-lain struktur rumah asas.
- Baik pulih kemasan asas.
- Kerja-kerja mengecat dan plaster sahaja.
- Baik pulih kemudahan utiliti asas / saliran.
- Sistem pembekalan air dan elektrik, tangki kumbahan dan perparitan.

23) Kerja-kerja baik pulih yang **tidak dibenarkan** adalah seperti berikut:

- Baik pulih binaan tambahan kepada struktur asas.
  Contohnya pagar rumah, bangsal peralatan, anjung kenderaan, soyok / *awning* dan lain-lain binaan tambahan.
- Baik pulih kemasan rumah.
  Contohnya lantai *(tile)*, plaster siling atau *wallpaper.*
- Baik pulih kelengkapan perkakasan elektrik dan perabot rumah.
- Baik pulih bagi tujuan hiasan rumah.

24) Bagi bina baharu rumah, reka bentuk dan komponen yang **wajib dibina** adalah:-

- Keluasan lantai rumah tidak kurang 700 kaki persegi;
- 1 ruang tamu, 1 ruang dapur, 3 bilik tidur, 1 bilik air dan 1 tandas;
- Parit perimeter / saluran keluar;
- Kemudahan utiliti (air dan elektrik); dan
- Pembekalan lampu kalimantan, kipas siling dan sinki dapur.

25) Sekiranya baikpulih dan bina baharu yang dilaksanakan tidak mengikut komponen yang dibenarkan, tiada bayaran akan dibuat kepada Peneraju Projek.

9.0 TATACARA LANTIKAN PENERAJU PROJEK

1) Penyelia Projek perlu melantik Peneraju Projek untuk melaksanakan gotong-royong. **Surat Lantikan Peneraju Projek** dan **Borang Pesanan Kerajaan** digunapakai dan di lampiran.

2) Jika terdapat PNK yang tidak mampu melaksanakan projek tersebut, perkara tersebut perlu dibawa masuk ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana dan Pemantauan PKPN Peringkat Negeri untuk memutuskan pelantikan PNK berdekatan bagi melaksanakan projek tersebut.

3) Peneraju Projek perlu mengakui bahawa telah menerima surat pelantikan tersebut, bersetuju untuk melaksanakan gotong-royong mengikut ketetapan dan mengembalikan salinan asal serta kedua setelah ditandatangani kepada LKIM Negeri dalam tempoh 14 hari.

4) Bagi memberi kefahaman dan melancarkan program baik pulih rumah dan bina baharu rumah nelayan pantai secara gotong-royong, sesi taklimat perlu diadakan oleh LKIM Negeri dan dihadiri Peneraju Projek bersama nelayan yang terlibat / wakil.

10.0 TATACARA TUNTUTAN DAN PEMBAYARAN KEATAS PELAKSANAAN GOTONG-ROYONG

1) Bagi tujuan pembayaran pelaksanaan gotong-royong, dokumen tuntutan yang diperlukan iaitu: -

   i) **Borang Tuntutan Perjalanan Kerja PNK** digunapakai dan di lampiran; dan
   ii) Salinan Pesanan Kerajaan; dan
   iii) Sijil Kesempurnaan Siap Kerja yang telah disahkan oleh Pegawai Teknikal; dan
   iv) Kelulusan bayaran dari Pengarah LKIM Negeri selaku Penyelia Projek; dan
   v) Laporan bergambar sebelum, semasa dan selepas siap perlu dikepilkan; dan
   vi) Penyata pembayaran juga perlu diperjelaskan seperti resit pembekal, bukti perbelanjaan, akuan terimaan dan dokumen yang berkaitan. **Borang Tuntutan Perjalanan Pekerja PNK** digunapakai dan di lampiran.

2) Peneraju Projek yang melaksanakan gotong-royong boleh diberi bayaran interim/kemajuan kerja.

3) Tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Kewangan & Akaun di LKIM Negeri.

4) Pembayaran melalui akaun bank Peneraju Projek.

5) Penolong Akauntan perlu memastikan jumlah pembayaran selaras dengan jumlah tuntutan.

6) Bagi setiap pembayaran yang dibuat, Penolong Akauntan perlu menyediakan penyata pembayaran dan melaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana dan Pemantauan Peringkat Negeri.

7) Semua dokumen kewangan perlu disimpan dengan baik dan ianya boleh disemak oleh pihak Kerajaan sekiranya terdapat keperluan.

11.0 TATACARA BAYARAN UPAH, ELAUN SAGUHATI, MAKANAN, KOS TENAGA KERJA DAN KOS PENGOPERASIAN

1) Bayaran bagi urusan gotong royong seperti upah, elaun sagu hati dan makanan, kos tenaga kerja kumpulan gotong-royong adalah **maksimum sehingga 20%** dan diserahkan kepada kumpulan gotong-royong pada atau selepas gotong-royong selesai.

2) Peneraju Projek perlu memohon pendahuluan kepada Bahagian Kewangan terlebih dahulu bagi tujuan ini. **Borang Permohonan Wang Pendahuluan Kumpulan Wang Pembangunan** digunapakai dan di lampiran.

3) Bahagian Kewangan & Akaun perlu memastikan jumlah pembayaran tersebut adalah selaras dengan jumlah tuntutan daripada Peneraju Projek.

4) Peneraju Projek perlu menyerahkan akuan penerimaan kepada kumpulan gotong-royong untuk ditandatangani sebagai bukti penerimaan. Wakil tidak dibenarkan untuk tandatangan.

5) Bukti serahan dan penerimaan tersebut hendaklah disimpan di pejabat PNK bagi tujuan rekod dan ianya boleh disemak oleh pihak Kerajaan sekiranya terdapat keperluan. **Laporan Penggunaan Wang Pendahuluan** digunapakai dan di lampiran.

6) Peneraju Projek dibenarkan **maksimum RM500 sebuah rumah** bagi menampung kos pengoperasian gotong-royong. Senarai semak kos pengoperasian adalah seperti berikut: -

   - 3 set Laporan bergambar sebelum, semasa, selepas (1 set di PNK, 1 set di LKIM Negeri dan 1 set di LKIM Ibu Pejabat).

   - Melibatkan Tuntutan Perjalanan pekerja PNK mengikut kelayakan penjawat awam gred E17 kerana menghadiri lawatan pemantauan / tugas rasmi ke rumah nelayan. Minimum lawatan sebanyak 3 kali iaitu sebelum, semasa dan selepas.

   - Melibatkan Tuntutan Kerja Lebih Masa pekerja PNK mengikut kelayakan penjawat awam gred E17.

- Sewaan kenderaan bagi tujuan lawatan pemantauan / tugas rasmi secara berkumpulan.

- Lain-lain perbelanjaan kecil seperti cetakan dokumen / borang, pembelian alat tulis dan perbelanjaan runcit jika ada.

- Tuntutan ke atas kos pengoperasian boleh dituntut kepada Bahagian kewangan di LKIM Negeri mengikut tatacara tuntutan yang telah dinyatakan di **para 10.0.**

7) Bagi tujuan pembayaran kos pengoperasian gotong-royong, dokumen tuntutan yang diperlukan iaitu: -

i) Borang Tuntutan seperti dilampiran; dan
ii) Kelulusan bayaran dari Pengarah LKIM Negeri selaku Penyelia Projek; dan
iii) Laporan dan penyata pembayaran juga perlu diperjelaskan seperti resit pembekal, bukti perbelanjaan, akuan terimaan dan dokumen yang berkaitan.

12.0 TATACARA MENGAMBIL WANG PENDAHULUAN BAGI TUJUAN PEMBEKALAN BAHAN BINAAN

1) Bayaran **pendahuluan boleh diberi maksimum sehingga 25%** daripada kadar bantuan baik pulih atau bina baharu sebuah rumah. **Borang Permohonan Wang Pendahuluan Kumpulan Wang Pembangunan** digunapakai dan di lampiran.

2) LKIM Negeri dibenarkan **menyalur pendahuluan** setelah mendapat kelulusan dari Pengarah LKIM Negeri selaku Penyelia Projek.

3) Peneraju Projek dibenarkan memohon bayaran pendahuluan dengan tujuan untuk pembelian dan pembekalan bahan binaan.

4) Pembayaran hendaklah dibuat kepada Peneraju Projek serta merta dan tidak lewat dari 14 hari daripada tarikh kelulusan Pendahuluan Diri diterima. Salinan baucar bayaran hendaklah disimpan di Bahagian Kewangan.

5) Peneraju Projek perlu melaporkan prestasi perbelanjaan wang pendahuluan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana dan Pemantauan PKPN Peringkat Negeri. **Laporan Penggunaan Wang Pendahuluan** digunapakai dan di lampiran.

13.0 TATACARA PEMANTAUAN DAN MELAPORKAN PRESTASI PELAKSANAAN GOTONG-ROYONG

1) Peneraju Projek bertanggungjawab memantau prestasi pelaksanaan baik pulih dan bina baharu secara gotong royong sehingga siap sepenuhnya. **Borang Laporan Pemantauan** digunapakai dan di lampiran.

2) Hasil pemantauan perlu dilaporkan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana dan Pemantauan PKPN Peringkat Negeri bagi tujuan makluman dan tindakan selanjutnya.

14.0 MENUBUHKAN JAWATANKUASA PELAKSANA DAN PEMANTAUAN PKPN PERINGKAT NEGERI

LKIM Negeri perlu menubuhkan Jawatankuasa Pelaksana dan Pemantauan PKPN Peringkat Negeri seperti berikut:

Pengerusi: Pengarah LKIM Negeri

Keahlian:

i) Pegawai LKIM Gred J29 ke atas

ii) Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kawasan atau peneraju projek

iii) LKIM Negeri dan LKIM Daerah

Urusetia: Bahagian PMN, LKIM Negeri

Bidang Tugas:

- Menyelia, menyelaras dan memantau pelaksanaan kerja-kerja pembaikan dan bina baharu berdasarkan ketetapan garis panduan dan

tatacara perolehan yang sedang berkuatkuasa sehingga siap sepenuhnya; dan

- Memperaku skop / spesifikasi, anggaran kos dan komponen kerja yang disediakan oleh Pegawai Teknikal; dan

- Memperaku Sijil Perakuan Kesempurnaan Siap Projek yang disyorkan oleh Pegawai Teknikal sebelum bayaran; dan

- Mempertimbang dan meluluskan perubahan komponen baik pulih dan bina baharu rumah nelayan serta perubahan ke lokasi baharu tanpa melibatkan penggantian peserta dan penambahan kos asal yang telah diluluskan oleh JKI PKPN; dan

- Bertanggungjawab menyediakan rekod prestasi projek; dan

- Memastikan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana dan Pemantauan PKPN Peringkat Negeri perlu diadakan setiap suku tahun atau mengikut keperluan.

15.0 PERUNTUKAN YANG TIDAK DAPAT DIBELANJAKAN

Peruntukan yang tidak dapat dibelanjakan **perlu** dipulangkan semula melalui akaun PKPN LKIM.

16.0 SENARAI BORANG YANG DIGUNAPAKAI DI DALAM PELAKSANAAN PKPN ADALAH SEPERTI DI LAMPIRAN

1) **Surat Pelantikan Peneraju Projek**
Merupakan surat tawaran secara rasmi yang dikeluarkan oleh LKIM Negeri kepada pihak Peneraju Projek yang dilantik.

2) Pesanan Kerajaan
Merujuk kepada **Pesanan Tempatan**. Ia adalah prosedur pembelian dari pihak **kerajaan** atau agensi-agensi.

3) Borang Skop Kerja
Borang ini bertujuan menyenaraikan skop kerja yang akan dilaksanakan oleh peneraju projek dengan mendapatkan pengesahan dari pegawai teknikal.

4) **Borang Permohonan Penukaran Skop Kerja**
borang ini hendaklah diisi sekiranya terdapat perubahan skop kerja asal.

5) **Borang Laporan Pemantauan Projek**
Borang ini bertujuan memantau pelaksanaan projek sebelum, semasa dan selepas siap projek baik pulih atau bina baharu rumah.

6) **Borang Laporan Bergambar**
Borang ini bertujuan melaporkan gambar sebelum, semasa dan selepas siap projek baik pulih atau bina baharu rumah.

7) **Sijil Perakuan Kesempurnaan Siap Kerja**
Borang ini bertujuan memperakukan kesempurnaan siap kerja dan penerimaan projek oleh tuan rumah.

8) **Borang Permohonan Wang Pendahuluan Kumpulan Wang Pembangunan**
Borang ini digunakan oleh Peneraju Projek untuk mendapatkan wang pendahuluan ke atas pembekalan bahan binaan ke tapak projek serta penyaluran kepada peserta gotong-royong

9) **Laporan Penggunaan Wang Pendahuluan**
Melaporkan perbelanjaan pendahuluan dan baki jika ada.

10) **Akuan Penyerahan dan Penerimaan Bahan Binaan**

Akuan penyerahan dan terimaan pembekalan bahan binaan di tapak projek diantara pembekal dengan nelayan.

11) **Akujanji Peserta**

Akujanji peserta kepada LKIM bahawa tiada tempoh kecacatan atau jaminan kualiti diberikan ke atas projek ini setelah pemeriksaan akhir dijalankan serta pengesahan sijil siap dikeluarkan.

12) **Borang Tuntutan Perjalanan Pekerja PNK**

Borang Tuntutan Perjalanan ini disertakan juga

- Senarai kakitangan PNK yang diberi kelulusan membuat tuntutan; dan

- Permohonan dari kakitangan PNK untuk bertugas rasmi di luar pejabat.

17.0 TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan Pelaksanaan Baikpulih Dan Bina Baharu Rumah Nelayan Pantai Secara Gotong-Royong ini berkuatkuasa mulai **10hb Julai 2017**.

18.0 ALAMAT DAN EMAIL PENTING

Peringkat Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
No. Tel (Pej.) : 03-88701017

Setiausaha Bahagian
Bahagian Industri Tanaman, Ternakan Dan Perikanan
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
No. Tel (Pej.) : 03-88701419

Peringkat Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

Ketua Pengarah
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
No. Tel (Pej.) : 03-80649002

Pengarah
Bahagian Pembangunan Masyarakat & Pertubuhan Nelayan
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
No. Tel (Pej.) : 03-80649005

(DATUK SERI DR. ISMAIL BIN HJ. BAKAR)
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
Malaysia
Tarikh : 10 Julai 2017

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
FISHERIES DEVELOPMENT AUTHORITY OF MALAYSIA
Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti
47120 PUCHONG,
MALAYSIA

LKIM

Tel : 603-8064 9000
Faks(fax) : 603-8060 3546
Laman Web(web): http://lkim.gov.my

LKIM:KEW.(S) 406/799

1 Januari 2017

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

SURAT PELANTIKAN PENERAJU PROJEK

Persatuan Nelayan Kawasan Perlis Selatan
36-A, Kuala Baru
02700 Simpang 4, Perlis

Tuan,

SURAT PELANTIKAN PENERAJU PROJEK BESERTA HAD MAKSIMA KEWANGAN SEBANYAK RM100,000 BAGI CADANGAN MEMBAIKPULIH RUMAH DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN KE ATAS 10 BUAH RUMAH NELAYAN DI DAERAH KUALA PERLIS SECARA GOTONG-ROYONG

Dengan hormatnya adalah saya memaklumkan bahawa Lembaga Kemajuan Ikan Negeri Perlis bersetuju untuk melantik Persatuan Nelayan Kawasan Perlis Selatan sebagai Peneraju Projek untuk melaksanakan projek seperti berikut:

Nama Projek : **Cadangan Membaikpulih Rumah Nelayan Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Keatas 10 Buah Rumah Nelayan Di Daerah Kuala Perlis Secara Gotong-Royong**

Harga Tawaran : **RM100,000.00**

Kaedah Perolehan : **Secara Gotong-Royong**

Skop Pembaikan **: Seperti di Lampiran 1 (Rujuk BQ di negeri)**

Tempoh Pembaikan : 3 Minggu

Mula Pembaikan **: 14 Januari 2017**

Tamat Pembaikan **: 4 Februari 2017**

GST **: 6% (Pihak tuan diingatkan bahawa cukai perkhidmatan GST yang dikenakan adalah mengikut perbelanjaan sebenar berdasarkan Akta Cukai Perkhidmatan oleh pihak Kastam Diraja Malaysia)**

Surat ini dihantar kepada tuan dalam dua (3) salinan. Sila kembalikan salinan asal dan kedua setelah ditandatangani dan disaksikan dengan sempurna, di ruang yang berkenaan dalam masa empat belas (14) hari daripada tarikh surat ini dikeluarkan kepada LKIM Negeri untuk tindakan selanjutnya. **Adalah diingatkan supaya PNK tidak melantik sub-kontraktor bagi melaksanakan kerja-kerja baik pulih dan bina baharu rumah nelayan.**

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah

(ISMAIL BIN LADIN)
Pengarah
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Negeri Perlis
b.p Ketua Pengarah
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini mengakui bahawa penerimaan surat tersebut diatas, salinannya yang mana telahpun disimpan.

.....	.....
(Tandatangan Peneraju Projek)	(Tandatangan Saksi)
Nama Penuh:.....	Nama Penuh:.....
No. Kad Pengenalan:.....	No. Kad Pengenalan:.....
Alamat:.....	Alamat:.....
.....	.....
.....	.....

Diberikan dengan sempurna untuk
Menandatangan untuk dan bagi pihak

.....
Meteri atau Cop Peneraju Projek

Tarikh:.....	Tarikh:.....

s.k

1. Ketua Pengarah
   Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
   Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti,
   47120 PUCHONG, SELANGOR

2. Pengarah
   Bahagian Kejuruteraan LKIM
   Ibupejabat LKIM

3. Pengarah
   Bahagian Pembangunan Masyarakat Nelayan LKIM
   Ibupejabat LKIM

LKIM

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

(Borang Mengeluarkan Pesanan Kerajaan- 2 Salinan)

(Sila keluarkan dua (2) minggu sebelum bekalan/perkhidmatan dilaksanakan)

Pengarah,
Kewangan & Akaun LKIM

BAHAGIAN A (Untuk dipenuhkan oleh Bahagian-Bahagian)
Sukacita kiranya dapat tuan mengeluarkan Pesanan Kerajaan (L.O) bagi bekalan / perkhidmatan yang tersebut di bawah yang telah diluluskan.

Tertakluk adalah maklumat yang diperlukan.

1. Bahagian: 2. Fail Ruj. Bhg:
3. Projek/Program :
4. Vot Untuk Bayaran: 5. Baki Peruntukan:
6.

Bil	Perihal Pesanan	Kuantiti	Harga Seunit	Harga Bersih (RM)
	Jumlah			

(sila gunakan kertas tambahan sekiranya ruangan tidak mencukupi)

7. Pembekal : _____ No. talipon: _____
Alamat Pembekal :_____
7.a Sila isikan maklumat berikut :-
i. No. Pendaftaran Sijil Kementerian Kewangan :..... Tarikh tamat : .....
ii. No. Pendaftaran Sijil Pendaftaran Syarikat (ROC/ROS) :..... Tarikh tamat : .....
iii. No. Pendaftaran Sijil Bumiputera :..... Tarikh tamat : .....

SEKIRANYA MAKLUMAT TIDAK DILENGKAPKAN, PERMOHONAN TUAN TIDAK AKAN DIPROSES

8. Tempat pesanan hendak dihantar : _____
9. Tarikh siap kerja/pesanan/perkhidmatan : _____
10. No. Rujukan kelulusan yang telah diperolehi atau lain-lain kebenaran : **Surat LKIM Rujukan PMN406/797 Jld. 6**

PERAKUAN : Saya mengesahkan bahawa tinjauan harga telah dibuat, Kelulusan perbelanjaan telah diperolehi dan maklumat yang diberikan adalah benar.

.....
Tandatangan / Cop Urusetia

Sambungan Talipon : _____ .....
Tandatangan Pengarah LKIM **Tarikh :**

BAHAGIAN B (Untuk kegunaan Bahagian Kewangan & Akaun)

Pesanan Kerajaan No. ..... bertarikh ..... telah disediakan dan diserahkan/poskan pada .....

Pengesahan Baki Vot

....
Tandatangan Unit Bajet Tandatangan Unit Tendar
Tarikh : ..... **Tarikh :** .....

LKIM

LKIM:PMN (3)

BORANG SKOP KERJA
PROJEK KHAS PERUMAHAN NELAYAN
SECARA GOTONG-ROYONG

KATEGORI BANTUAN
(Sila tandakan ✓)

☐ BAIK PULIH RUMAH ☐ BINA BAHARU RUMAH

PEMILIK RUMAH: (nama & alamat)		UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
	KERJA-KERJA BAIK PULIH / BINA BAHARU				
JUMLAH KESELURUHAN					

DISEDIAKAN DAN DISAHKAN OLEH
(Pegawai Teknikal)

NAMA :
JAWATAN:
TARIKH :
COP :

DIPERSETUJUI OLEH
(tuan rumah / tuan tanah)

NAMA :
TARIKH :

DIPERAKUI OLEH
(Pengarah LKIM Negeri)

NAMA :
JAWATAN :
TARIKH :
COP :

BORANG PERMOHONAN PENUKARAN SKOP KERJA
PROJEK KHAS PERUMAHAN NELAYAN
SECARA GOTONG-ROYONG

KATEGORI BANTUAN
(Sila tandakan ✓)

☐ BAIK PULIH RUMAH ☐ BINA BAHARU RUMAH

SKOP KERJA ASAL

BIL	DISKRIPSI	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH

PENUKARAN SKOP KERJA

BIL	DISKRIPSI	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH

JUSTIFIKASI PERMOHONAN PENUKARAN SKOP KERJA

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____
6. _____
7. _____
8. _____
9. _____
10. _____

DISEDIAKAN DAN DISAHKAN OLEH (Pegawai Teknikal)	DIPERSETUJUI OLEH (tuan rumah / tuan tanah)	DIPERAKUI OLEH (Pengarah LKIM Negeri)
_____	_____	_____
NAMA : JAWATAN: TARIKH : COP :	NAMA : TARIKH :	NAMA : JAWATAN : TARIKH : COP :

Permohonan Penukaran Skop Kerja ini perlu diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Pelaksana Dan Pemantauan PKPN Peringkat Negeri

LKIM

LKIM:PMN (5)

BORANG LAPORAN PEMANTAUAN
PROJEK KHAS PERUMAHAN NELAYAN
SECARA GOTONG-ROYONG

KATEGORI BANTUAN
(Sila tandakan ✓)

☐ **BAIK PULIH RUMAH** ☐ **BINA BAHARU RUMAH**

1.BUTIRAN PESERTA

Nama Pemohon :_____
No.Kad Pengenalan (Baru) :_____
Alamat :_____
No. Telefon :_____

2.PEMANTAUAN KEMAJUAN PROJEK

(Sila tandakan ✓ pada yang berkaitan)

KAEDAH PEMANTAUAN

Pemantauan di tapak projek	
Pemantauan menerusi panggilan telefon	
Pemantauan secara perjumpaan dengan tuan rumah	

ULASAN PEMANTAUAN SECARA KESELURUHAN

ISU/MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN

Disediakan Oleh
(Pegawai pemantau)

NAMA :
JAWATAN :
TARIKH :
COP :

LKIM

LKIM:PMN (6)

LAPORAN BERGAMBAR PELAKSANAAN PROJEK KHAS PERUMAHAN NELAYAN SECARA GOTONG-ROYONG

NEGERI		NAMA	
DAERAH		NO. K/P	
PARLIMEN		KOMPONEN PEMBAIKAN	
ALAMAT		KOS	
		CATATAN	

GAMBAR SEBELUM	GAMBAR SEMASA	GAMBAR SELEPAS

LKIM

LKIM:PMN (7)

SIJIL PERAKUAN KESEMPURNAAN SIAP KERJA PROJEK KHAS PERUMAHAN NELAYAN SECARA GOTONG-ROYONG

Adalah dengan ini saya,

Nama Pemohon : _____

Alamat : _____

Kos Baik Pulih / Bina Baru : _____

Butiran Kerja Baikpulih / Bina Baru : _____

---

1. Saya berpuas hati /tidak berpuas hati dengan kerja-kerja yang telah disiapkan mengikut persetujuan bersama kontraktor dan Persatuan Nelayan Kawasan serta tidak akan membuat apa-apa tuntutan ganti rugi atau pampasan.

2. Jika tidak berpuas hati, sila nyatakan sebab :

_____

_____

_____

Tandatangan Tuan Rumah: _____

Nama : _____

Tarikh : _____

PERAKUAN MENGENAI MUTU KERJA
(Hendaklah di isi oleh peneraju projek)

Saya memperakui bahawa saya telah membekalkan barang-barang atau telah melaksanakan kerja yang tersebut di atas mengikut surat saya/surat tuan .....bertarikh.....

Tandatangan : .....

Cop/Tarikh : .....

PENGESAHAN SIAP KERJA
(Hendaklah di isi oleh Pegawai Teknikal)

Dengan ini saya mengesahkan bahawa segala kerja-kerja membaikpulih rumah nelayan di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) bagi penerima bantuan seperti nama diatas telah siap dilaksanakan.

Tandatangan Pegawai Teknikal:.....

Nama .....

Cop Jawatan/Tarikh.....

LKIM

PERMOHONAN WANG PENDAHULUAN
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
PROJEK KHAS PERUMAHAN NELAYAN
(Diisi Dalam 4 Salinan)

BAHAGIAN I (Untuk diisi oleh pemohon)

1. Nama Pegawai / No. Kad Pengenalan :.....No. Pekerja : .....
2. Jawatan & Gred Pegawai :.....
3. Nama Projek / No. Prj. Setia :.....
4. Waran No. (Untuk Peringkat Negeri / KPN Sahaja) :.....Tempoh Kuatkuasa :.....
5. Jumlah Peruntukan :.....

   Baki Peruntukan :.....
6. Pendahuluan Dipohon :.....Jangkaan Siap Projek.....

   :.....
7. Tarikh Diperlukan :.....
8. Tujuan Pendahuluan :.....

BIL	JENIS BELANJA / ANGGARAN BELANJAWAN *	AMAUN (RM)
	JUMLAH	

9. Saya mengaku bahawa :-

   (a) Laporan Penggunaan Wang Pendahuluan akan dikemukakan dalam tempoh tujuh hari selepas bayaran projek itu disiapkan;
   (b) Jika Wang Pendahuluan tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan, saya bersetuju bahawa tindakan tatatertib boleh dikenakan kepada saya; dan
   (c) Jika projek tersebut dibatalkan atau ditangguhkan, wang pendahuluan akan dikembalikan dengan serta-merta.

Tarikh : .....

.....
(Tandatangan Pemohon)

* Untuk Wang Pendahuluan bagi membayar elaun-elaun, sila lampirkan senarai nama, kad pengenalan, alamat nelayan-nelayan/pelatih-pelatih/lain-lain pihak yang berkenaan.

BAHAGIAN II (Untuk diisi oleh Pengarah Bahagian/Negeri atau Pengurus KPN)

Saya sahkan bahawa :-

a) Wang Pendahuluan yang dipohon oleh pegawai di atas adalah mustahak;

b) Sekiranya pemohon tidak menjelaskan wang pendahuluan dalam tempoh yang ditetapkan, tindakan serta-merta akan diambil untuk menyelesaikannya dengan keputusan Jawatankuasa Tatatertib.

c) Lain-lain komen (Jika Ada)

Tarikh : .....

.....
(Tandatangan Pengarah Bahagian/
Negeri/Pengurus KPN)

Nama Penuh : .....

Jawatan : .....

BAHAGIAN III (Untuk diisi oleh Bahagian Kewangan & Akaun Sahaja)

No. Baucer : .....

No. Cek : .....

Tarik Cek : .....

BAHAGIAN IV (Diisi Dalam Buku Vot)

Direkod dalam buku vot oleh : .....

Folio : .....

PERINGATAN

(1) Pendahuluan di atas akan diselesaikan melalui Laporan Penggunaan Wang Pendahuluan yang akan dikemukakan kepada Bahagian Kewangan & Akaun tidak lewat daripada 7 hari selepas projek itu disiapkan.

(2) Jika terdapat apa-apa baki peruntukan yang lalu yang belum diselesaikan, permohonan pendahuluan Wang Pembangunan ini tidak boleh diluluskan.

moa INCORPORATED
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

LKIM

Laporan Penggunaan Wang Pendahuluan
Kumpulan Wang Pembangunan
Projek Khas Perumahan Nelayan

(Diisi Dalam 3 Salinan)

BAHAGIAN I (Untuk diisi oleh Pemohon)

Rujukan Pendahuluan :
No. Baucer :
Jumlah Pendahuluan :

No. Cek :
Tarikh Cek :

1. Nama Pegawai :
   No. Kad Pengenalan/Pekerja :
2. Nama Projek/ No. Setia :
3. No. Waran :
4. Belanja-Belanja * (Sila lampirkan senarai nama, kad pengenalan, alamat dan tandatangan penerima elaun-elaun tersebut).

Bil	No. Resit	No. Invois	Jenis Belanja	Belanja Sebenar (RM)	Catitan
JUMLAH BELANJA					

Baki Tunai : **RM**
Dengan Perkataan : **Ringgit Malaysia :**
Tarikh :

.....
(Tandatangan Pemohon)

Disahkan oleh : .....

Nama :
Jawatan :

BAHAGIAN II (Untuk diisi oleh Bahagian Kewangan)

Disemak oleh : .....
(Nama / Jawatan / Tandatangan)

Jumlah Bayaran RM ..... No. Resit : ..... Tarikh : .....

LKIM

AKUAN PENYERAHAN DAN PENERIMAAN BAHAN BINAAN
PROJEK KHAS PERUMAHAN NELAYAN

NAMA DAN ALAMAT PEMBEKAL	NO. RESIT	BUTIR-BUTIR PEMBEKALAN	BUTIRAN PENERIMA	BUTIR-BUTIR PENERIMAAN	STATUS PENERIMAAN		SEBAB-SEBAB PENOLAKAN
					DITERIMA	DITOLAK	

TANDATANGAN PEMBEKAL

.....

NAMA :
JAWATAN :
TARIKH :
COP JABATAN :

TANDATANGAN PENERIMA (NELAYAN)

.....

NAMA :
TARIKH :
COP SYARIKAT :

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

LKIM

AKUJANJI PESERTA
PROJEK KHAS PERUMAHAN NELAYAN
SECARA GOTONG-ROYONG

BUTIRAN PESERTA

Nama Pemohon : .....

No.Kad Pengenalan (Baru) : .....

Alamat : .....

No. Telefon : .....

Dengan ini saya sedia maklum **tiada tempoh kecacatan** dan **jaminan kualiti diberikan** bagi projek ini setelah pemeriksaan akhir dijalankan serta pengesahan sijil siap dikeluarkan.

Tandatangan Peserta : .....

Nama Peserta : .....

Tarikh : .....

Tandatangan Saksi (Pegawai LKIM) : .....

Nama Saksi : .....

Tarikh : .....

Jawatan : .....

Cop : .....

LKIM

SENARAI KAKITANGAN PERSATUAN NELAYAN KAWASAN YANG DIBERI KELULUSAN MEMBUAT TUNTUTAN DI BAWAH PROJEK KHAS PERUMAHAN NELAYAN

Negeri :

Bil	Nama	No Kad Pengenalan	Jawatan	Alamat Pejabat	Bank	No Akaun Bank

BORANG PERMOHONAN UNTUK BERTUGAS RASMI DI LUAR PEJABAT

1. Nama Pegawai : .....
2. No. Kad Pengenalan : .....
3. Jawatan : .....
4. Bahagian/Cawangan : .....
5. No Telefon dan Emel : .....
6. Tugas-tugas yang akan dilakukan, tempat, tempoh dan tarikh:

TEMPAT	PERIHAL TUGAS	TEMPOH	TARIKH PERGI DAN BALIK

7. Cara Perjalanan [Sila tandakan (/)]

☐ Kereta Sendiri ☐ Keretapi ☐ Kenderaan Pejabat (Khas)

☐ Kapal Terbang ☐ Kenderaan Awam (Bas, Teksi, Dll)

☐ Menumpang kereta pegawai lain _____

8. Jika tidak menaiki keretapi/kapal terbang kerana menggunakan kereta sendiri, sila nyatakan sebab-sebabnya

.....

9. Jika menggunakan kereta sendiri tuntutan yang dibuat adalah [sila tandakan (/)]:

☐ Jarak <240km sehala ☐ Jarak >240km sehala

☐ Elaun Hitungan Batu ☐ Gantian Tambang Kapal Terbang/Keretapi/Bas/Teksi

Tarikh: ....

Tandatangan Pemohon

PERAKUAN PENGURUS BESAR PNK

Permohonan untuk menjalanankan tugas-tugas rasmi di luar ibu pejabat seperti di atas adalah *diluluskan/tidak diluluskan.

☐ Tiada tuntutan dibuat oleh pegawai

☐ Adalah disahkan pegawai ini *perlu/tidak perlu menggunakan kenderaannya sendiri dan diperakukan bahawa Beliau perlu dibayar *Elaun Hitungan Batu/Tambang Pengankutan Awam/Elaun Tambang Gantian

Diluluskan:

.....

Tandatangan Pengurus Besar

Nama : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

LKIM:PMN (12)
LAMPIRAN 'A' KEPADA
PEK. PERBENDAHARAAN
BIL. 3 TAHUN 2003

KENYATAAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN DALAM NEGERI
BAGI BULAN ..... / 2017

MAKLUMAT PEGAWAI		
Nama (Huruf Besar)	:	
No.Kad Pengenalan	:	No Akaun : Nama Bank : Caw. Bank : No Telefon :
Jawatan Gaji Elaun-elaun Jumlah Pendapatan RM	: : : :	
Kenderaan	Jenis/Model : No. Pendaftaran : Kuasa (C.C) : Kelas Tuntutan :	
Alamat Pejabat	:	
Alamat Rumah	:	

Tarikh	Masa Pergi	Masa Balik	Butiran Tuntutan	KM
			JUMLAH	

TUNTUTAN TAMBANG PENGANGKUTAN AWAM					
Teksi	(Resit :			RM:	
Bas	(Resit :			RM:	
Kereta Api	(Resit :			RM:	
Feri	(Resit :			RM:	
Lain-lain	(Resit :			RM:	
			JUMLAH	RM:	**0.00**

TUNTUTAN ELAUN MAKAN/ELAUN HARIAN				
x	Elaun Makan sebanyak	RM	/hari	RM:
x	Elaun Makan (Sbh,Swak)	RM	/hari	RM:
x	Elaun Harian sebanyak	RM	/hari	RM:
			JUMLAH	RM:

TUNTUTAN BAYARAN SEWA HOTEL (BSH)/ELAUN LOJING					
x	BSH sebanyak	RM	/hari	RM:	
x	BSH sebanyak	RM	/hari	RM:	
x	BSH sebanyak	RM	/hari	RM:	
x	Lojing	RM	/hari	RM:	
			JUMLAH	RM:	**0.00**

TUNTUTAN PELBAGAI				
Resit Tol	:		RM:	
Bayaran letak kenderaan :			RM:	
		JUMLAH	RM:	**0.00**

JUMLAH TUNTUTAN*		
	RM:	**0.00**

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa;

(a) perjalanan pada tarikh-tarikh tersebut adalah benar dan telah dibuat atas urusa Rasmi Projek Khas Perumahan Nelayan;

(b) tuntutan ini dibuat mengikut kadar dan syarat seperti yang dinyatakan di bawah peraturan-peraturan bagi pegawai bertugas rasmi yang berkuatkuasa semasa;

('c) perbelanjaan yang bertanda (*) berjumlah sebanyak **RM**..... telah sebenarnya dilakukan dan dibayar oleh saya;

(c) panggilan telefon sebanyak RM..... dibuat atas urusan rasmi; dan

(e) butir-butir seperti yang dinyatakan di atas adalah benar dan saya bertanggungjawab

....
Tarikh Tandatangan)

PENGESAHAN

Adalah disahkan bahawa perjalanan tersebut adalah urusan rasmi.

.....
Tandatangan
Pengurus Besar

PENDAHULUAN DIRI (jika ada)

Pendahuluan Diri diberi RM:

Tolak: Tuntutan sekarang RM:

Baki dituntut/Baki dibayar balik	RM:

CARTA ALIRAN KERJA
BAIK PULIH DAN BINA BAHARU RUMAH NELAYAN SECARA GOTONG-ROYONG

SIMBOL	PELAKSANAAN BAIKPULIH RUMAH DAN BINA BARU	MOA	LKIM HQ	PNK/ PENERAJU PROJEK	MPPP	LKIM NEGERI			
						SO	PMN	TEKN.	KEW.
	Edar borang permohonan PKPN01.			√					
	Terima borang PKPN01 yang telah lengkap beserta salinan kad pengenalan, salinan lesen vesel atau kad nelayan, geran tanah/surat perakuan memberi izin membina rumah daripada pemilik tanah dan gambar rumah (sebelum).			√					
	Semak dan sahkan borang PKPN01 yang telah lengkap dan masukkan permohonan baru dalam SP3N. (Rujuk Garis Panduan PKPN).			√					
	Hantar ke LKIM Negeri untuk mendapatkan pengesahan.			√					
	Mengesahkan syarat kelayakan dan kecukupan dokumen (Rujuk Garis Panduan PKPN).					√			
	Hantar permohonan yang layak ke PNK.					√			
	Jana senarai PKPN02 untuk disokong oleh MPPP Kawasan melalui SP3N.			√					
	Mendapatkan tandatangan sokongan daripada MPPP.				√				
	Menerima senarai PKPN02 yang telah ditandatangani oleh MPPP.			√					
	Klik **disokong** ke atas peserta dan lampirkan senarai PKPN02. Atau klik **tidak disokong** dan sertakan justifikasi di ruangan komen.			√					
	Mencetak permohon yang telah disokong melalui SP3N.		√						
	Membentang dan mendapatkan kelulusan permohonan dari JKI PKPN.	√	√						
	Lulus/Tidak Lulus.								
	Maklum hasil keputusan mesyuarat JKI PKPN kepada LKIM.	√							
	Salur peruntukan ke LKIM Negeri.		√						

	Menubuhkan JK Pelaksana dan Pemantauan PKPN peringkat Negeri.					√			
	Menyedia dan mengesahkan skop kerja baik pulih dan bina baharu rumah nelayan.							√	
	Menentukan jumlah bilangan yang perlu dibaik pulih dan bina baru disetiap Fasa.					√			
	Melantik Peneraju Projek.					√			
	Mengenalpasti kumpulan yang akan melaksanakan gotong-royong dan melantik Ketua Tukang.			√					
	Mengadakan taklimat ringkas pelaksanaan baik pulih dan bina baharu secara gotong-royong bersama peneraju projek dan nelayan sebelum pelaksanaan.						√		
	Memulakan dan melaksanakan gotong-royong sehingga siap.			√					
	Memantau projek sehingga siap dan melaporkan kepada LKIM ibupejabat jika projek bermasalah. (Isi borang pemantauan projek)			√		√	√	√	
	Mengesahkan projek siap. (Isi borang perakuan kesempurnaan siap kerja)							√	
	Mengemukakan tuntutan kepada Bahagian Kewangan			√					
	Menerima tuntutan dari peneraju projek.								√
	Memastikan kecukupan dokumen sebelum bayaran dibuat.								√
	Bayaran diproses dan di kreditkan ke dalam akaun Persatuan Nelayan.								√
	Merekod bayaran dalam lajer kewangan.								√
	Melaporkan pelaksanaan projek siap sebelum 15 haribulan berikutnya kepada LKIM Ibupejabat.						√		
	Selesai								

Komponen Baik Pulih

Komponen	Spesifikasi Rumah struktur konkrit bertetulang dan batu bata	Spesifikasi Rumah Kayu
i)Komponen Rumah Asas - Ruang Utama - Dapur - 3 Bilik Tidur - 1 Bilik Air - 1 Tandas	Baikpulih bagi struktur asas, tiang, rasuk, lantai - konkrit bertetulang gred 20. Lantai konkrit kemasan lantai terdiri daripada simen render Kemasan lantai tandas menggunakan jubin homogenous anti gelincir Dinding terdiri daripada bata pasir dan di lepa serta di cat dengan satu (1) lapisan cat asas dan satu (1) cat penyudah Tandas cangkung daripada jenis tembikar putih lengkap dengan sepasang pemijak dan pam pembersih Kerangka bumbung jenis 'light Weight' dan kayu gred B Bumbung ' metal deck',zink dan seperti sedia ada Semua pintu jenis pintu papan lapis Pintu tandas daripada jenis PVC Tingkat daripada jenis tingkat ram kaca boleh laras	Struktur tiang, rasuk dan lantai terdiri daripada kayu Gred B yang diluluskan Dinding daripada kayu, plywood water proof atau seperti sedia ada Lantai daripada kayu, plywood water proof atau seperti sedia ada Kemasan dinding di cat Kerangka bumbung daripada kerangka kayu gred B Bumbung ' metal deck', zink atau seperti sedia ada Semua Pintu jenis pintu papan lapis Tingkat daripada jenis tingkat ram kaca boleh laras Siling daripada jenis asbestos free bersaiz 1200mm x 1200mm Sinki keluli tahan karat Paip bekalan air jenis pvc bersaiz 20mm Kemasan lantai tandas menggunakan jubin homogenous anti gelincir Kemasan dinding tandas – jubin

Komponen Baik Pulih

Komponen	Spesifikasi Rumah struktur konkrit bertetulang dan batu bata	Spesifikasi Rumah Kayu
i)Komponen Rumah Asas - Ruang Utama - Dapur - 3 Bilik Tidur - 1 Bilik Air - 1 Tandas	Siling daripada jenis asbestos free bersaiz 2' x 2' Sinki keluli tahan karat Paip bekalan air jenis pvc bersaiz 20mm Tangki air jenis HDPE berkapasiti 150 galen Tangki kumbahan daripada jenis HDPE (5PE)	Tandas cangkung daripada jenis tembikar putih lengkap dengan sepasang pemijak dan pam pembersih Tangki air jenis HDPE berkapasiti 150 galen Tangki kumbahan daripada jenis HDPE (5PE)

Komponen Baik Pulih

Komponen	Spesifikasi Rumah Struktur Konkrit bertetulang dan batu bata	Spesifikasi Rumah Kayu
ii) Baik Pulih Struktur Rumah		
-Dinding	Dinding terdiri daripada bata pasir dan di lepa serta di cat dengan satu (1) lapisan cat asas dan satu (1) lapisan cat penyudah	Dinding daripada kayu, plywood water proof atau seperti sedia ada
-Lantai	Lantai konkrit dan kemasan lantai terdiri daripada simen render	Lantai daripada kayu, plywood water proof atau seperti sedia ada
-Struktur Bumbung	Kerangka bumbung jenis 'light Weight', kayu gred B	Struktur bumbung daripada kayu gred B yang diluluskan
-Bumbung	Bumbung ' metal deck', zink atau seperti sedia ada	Bumbung ' metal deck', zink atau seperti sedia ada
-Siling	Siling daripada jenis asbestos free bersaiz 1200mm x 1200mm	Siling daripada jenis asbestos free bersaiz 1200mm x 1200mm
-Pintu	Pintu jenis pintu papan lapis	Pintu jenis pintu papan lapis
-Tingkat	Tingkat daripada jenis tingkat ram kaca boleh laras	Tingkat daripada jenis tingkat ram kaca boleh laras
-Tangga	Konkrit bertetulang gred 20	Tangga daripada kayu gred B atau seperti sedia ada
-Titian Laluan Rumah Atas Air		Struktur laluan rumah atas air daripada kayu gred B yang diluluskan

Komponen Baik Pulih

Komponen	Spesifikasi
iii) Baik Pulih Kemasan Asas	
- Kerja Mengecat dan Plaster	Mengecat satu (1) lapisan cat asas dan satu (1) lapisan cat penyudah
iv) Baikpulih Kemudahan Utiliti Asas /Saliran	
Sistem Bekalan Air	Paip dari meter menggunakan 50mm diameter G.I paip. Paip bekalan air jenis pvc bersaiz 20mm
Tangki Air	Tangki air jenis HDPE berkapasiti 150 galen
Tangki Kumbahan	Tangki kumbahan daripada jenis HDPE (5PE)
Elektrik	Lampu pendaflour 36 W Lampu pendaflour 18 W Soket alur keluar 250W jenis 3 pin 13A
Longkang sekeliling rumah	Longkang separuh bulat berdiameter 225mm

Komponen Rumah Bina Baharu

Komponen	Spesifikasi
Asas, tiang, rasuk tanah, rasuk bumbung dan lantai	Konkrit bertetulang gred 20
Dinding	Bata pasir dan dilepa serta di cat dengan satu (1) lapisan cat asas dan satu (1) lapisan cat penyudah
Lantai	Simen render
Lantai Tandas	Jubin homogenous anti gelincir
Pintu	Pintu papan lapis
Pintu tandas	Pintu pvc
Tingkap	Tingkap ram kaca boleh laras
Siling	Siling 'asbestos free' bersaiz 1200mm x 1200mm
Kerangka bumbung jenis 'light Weight'	Bumbung ' metal deck'
Bumbung ' metal deck'	Siling daripada jenis asbestos free bersaiz 1200mm x 1200mm
Bekalan air	Paip dari meter menggunakan 50mm diameter G.I paip Paip bekalan air jenis pvc bersaiz 20mm Tangki air jenis HDPE berkapasiti 150 galen
Sinki	Sinki keluli tahan karat
Tandas	Tandas cangkung daripada jenis tembikar putih lengkap dengan sepasang pemijak dan pam pembersih
Tangki Kumbahan	Tangki kumbahan daripada jenis HDPE (5PE)

Komponen Rumah Bina Baharu

Komponen	Spesifikasi
Longkang Elektikal *Semua komponen yang digunakan untuk pendawaian elektrik haruslah diluluskan oleh SIRIM, Suruhanjaya Tenaga (ST) serta EMAL JKR	Longkang separuh bulat berdiameter 225mm Lampu pendaflour 36 W Lampu pendaflour 18 W Kipas siling 60 W (3 bilah) Soket alur keluar 250W jenis 3 pin 13A